

kerana dalam lawatan saya ke Kelantan kali ini, saya dapat bertemu muka dengan penduduk-penduduk di sini.

*minta maaf kerana isteri saya tidak datang bersama kerana salah faham bahwa oleh kerana upacara ini ialah penutupan masjid, barangkali difikirkan tidak elok kaum wanita hadir bersama.*

2. Semalam, saya telah meresmikan pelancaran Lembaga Wilayah Kelantan Selatan, iaitu agensi

yang akan mengelolakan pelaksanaan pembukaan tanah secara besar-besaran dan pembangunan di kawasan Wilayah Kelantan Selatan. Projek raksaksa yang akan meningkatkan kegiatan ekonomi Kelantan, akan memberi harapan masa depan yang lebih cemerlang bagi rakyat negeri ini.